

Kuasa besar mampu henti konflik: Dr M

LANGKAWI: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata tidak banyak yang boleh dilakukan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) mengenai isu Palestin dan Iraq kerana kuasa menghentikan masalah itu terletak di tangan kuasa besar.

Bagaimanapun, katanya, ia terserah kepada NAM untuk membuat sebarang keputusan.

"Setakat mana dia (NAM) nak pergi, saya tak terlibat dah. Saya sebenarnya tak nampak apa yang boleh dibuat kerana akhirnya yang nak berhenti atau nak teruskan dengan semua masalah ini bukan NAM tapi kuasa besar.

"Kalau mereka tak nak dengar NAM dan yang lain, dulu orang demonstrasi sampai sejuta orang suruh jangan serang Iraq, dia serang juga. Ketegaq

(degil)," katanya ketika diminta mengulas Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Menteri Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) Mengenai Palestin, di Putrajaya hari ini.

Beliau ditemui selepas menyampaikan sijil tamat latihan kepada 28 peserta Program Kecemerlangan Sukan Remaja Emkay (PKSRE) di Taman Sungai Kuala Melaka (TKSM), di sini semalam.